

25  
NO. SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN  
(IPOH BARAT)**

**TARIKH JAWAPAN : 28.03.2018**

**SOALAN**

**YB TUAN M. KULASEGARAN** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan pergantungan kita kepada bahan api fosil yang merupakan punca utama pemanasan global. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melabur dalam tenaga yang boleh diperbaharui.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada bahan api fosil, Kerajaan telah memperkenalkan **Dasar Bahan Api Kelima (Fifth Fuel Policy)** pada tahun 2001. Melalui dasar ini, sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) seperti biomas, biogas, mini-hidro dan solar telah dikenalpasti sebagai sumber tenaga alternatif bagi penjanaan tenaga elektrik, selain daripada tenaga konvensional iaitu minyak, gas, arang batu dan hidro. Sejak dasar ini diperkenalkan, Kerajaan telah merancang dan melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan peratusan TBB dalam campuran tenaga keseluruhan iaitu:
  - (i) mekanisme Tarif Galakan atau Feed-in Tariff (FiT);
  - (ii) Program Net Energy Metering (NEM); dan
  - (iii) Program Large Scale Solar (LSS).

2. Selain itu, Kerajaan melalui Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga telah menandatangani *Energy Purchase and Wheeling Agreement* (EPWA) dengan pihak utiliti Lao PDR dan Thailand pada 27 September 2017, bagi tujuan penyaluran tenaga elektrik dari Lao PDR ke Malaysia melalui Thailand dengan jumlah 100MW mulai tahun 2018 sehingga tahun 2020. Tenaga yang dimport ini adalah dari sumber hidro. Sehingga kini, 21.5% daripada kapasiti penjanaan elektrik di negara ini adalah bersumberkan TBB dengan jumlah kapasiti 7,275MW.

3. Sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan melalui Pelan Induk Teknologi Hijau (*Green Technology Master Plan - GTMP*) yang telah dilancarkan pada tahun 2017 mensasarkan 30% daripada kapasiti penjanaan keseluruhan berdasarkan sumber TBB pada tahun 2030. Untuk tujuan itu, Kerajaan sedang mengkaji potensi penjanaan tenaga elektrik dari sumber-sumber lain seperti angin, geothermal dan sisa pepejal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Bagi menggalakkan pelaburan dalam industri TBB, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif seperti berikut:

- (i) Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dan telah dibelanjakan dalam projek dan aset TBB dari tahun taksiran 2013 sehingga 2020;
- (ii) Insentif Cukai bagi perkhidmatan teknologi hijau iaitu pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun daripada tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2020 bagi perkhidmatan teknologi hijau yang berkaitan dengan TBB; dan
- (iii) Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme* – GTFS) yang bertujuan untuk mempromosikan teknologi hijau dengan menyediakan pinjaman/pembiayaan kepada syarikat-syarikat yang membekalkan dan menggunakan teknologi hijau termasuk TBB.

Sekian, terima kasih

---